

Menulis kolum dari perantauan: Secebis pengalaman mengorak harapan

Dr. Siti Suriani Othman

Universiti Sains Islam Malaysia

Email: suriani@usim.edu.my

Tahun 2008 menjadi titik penting dalam perjalanan intelektual dan peribadi saya. Ketika itu saya sedang melanjutkan pengajian peringkat doktor falsafah (PhD) dalam bidang kewartawanan di United Kingdom (UK)—sebuah fasa hidup yang mencabar dari pelbagai segi: akademik, emosi, dan spiritual. Dalam kesibukan membina kerangka tesis, menghadiri kelas penyeliaan, dan membiasakan diri dengan budaya Barat, saya menerima satu tawaran yang akhirnya mengubah cara saya melihat dunia dan memahami kekuatan pena: menjadi kolumnis tetap akhbar *Berita Harian*.

Kolumnis merujuk kepada seorang penulis yang menghasilkan tulisan tetap (kolum) dalam akhbar, majalah, atau portal media digital, biasanya dengan gaya peribadi dan sudut pandang tersendiri. Kolumnis lazimnya menulis secara berkala—mingguan, dwi-mingguan, atau bulanan—dan mempunyai tema atau topik khusus yang menjadi kepakarannya, seperti politik, ekonomi, hiburan, agama, pendidikan, atau kehidupan seharian. Dalam konteks saya, kolum saya dengan *Berita Harian* diterbitkan seminggu sekali.

Saya sedar amanah ini tidak mudah. Tulisan seorang kolumnis bukan sekadar laporan fakta; ia sering diselitkan dengan analisis, pandangan kritikal, humor, sindiran, atau penceritaan pengalaman peribadi. Gaya penulisan seseorang kolumnis membantu membentuk pendapat umum dan memberi wacana terhadap isu-isu semasa. Saya pula sering merasakan penulisan saya sangat biasa-biasa dan sederhana dan mungkin tidak mencapai tahap penulisan kolum yang berpengaruh sifatnya.

Namun, nama-nama kolumnis hebat di negara ini pastinya menginspirasi diri saya untuk cuba menulis sebaiknya setiap minggu. Dato' Johan Jaaffar, bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Malaysia dan Pengerusi Media Prima misalnya ialah antara kolumnis prolifik yang sering menulis tentang budaya, bahasa Melayu, dan isu

nasional. Tulisan Johan banyak berkisar isu-isu berkaitan nilai kebangsaan, pendidikan dan bahasa Melayu dengan pengaruhnya yang tersendiri.

Kolumnis-kolumnis lain yang berpengaruh ialah Marina Mahathir, Awang Selamat (satu nama pena kolektif untuk editorial Mingguan Malaysia) dan Zainal Kling. Saya sedar, seseorang kolumnis memainkan peranan penting dalam media massa sebagai penyampai suara individu yang berwibawa, berani menyuarakan pandangan, serta berupaya membentuk pemikiran masyarakat melalui tulisan yang konsisten dan berpengaruh sepertimana yang dilakukan oleh nama-nama ini.

Di dunia Barat, nama-nama kolumnis terkenal seperti Fintan O'Toole (The Irish Times), Jonathan Freedland dan Rafael Behr (The Guardian) mempunyai pengaruh tersendiri dalam penulisan tentang politik dan demokrasi. Nama-nama kolumnis lain yang tidak kurang pengaruhnya di Asia pula termasuklah Fareed Zakaria (The Washington Post/CNN) dan Shashi Tharoor (The Hindu). Dalam dunia Islam, antara kolumnis penting ialah arwah Jamal Khashoggi (Al Watan/Washington Post), Abdel Bari Atwan (Raialyoum) dan Mustafa Akyol (The New York Times/Al-Monitor).

CABARAN SEBAGAI KOLUMNIS MUDA

Membaca tulisan kolumnis-kolumnis hebat ini, pastinya membuatkan saya berasa agak gerun dan sekaligus menjadi cabaran buat diri saya yang ketika itu dikatakan kolumnis paling muda pernah dilantik Berita Harian. Dengan kolum mingguan yang diberi nama "Siti Suriani Othman Menulis dari Nottingham", cabaran bukan hanya dari segi menghasilkan penulisan yang mencapai piawaian sesebuah kolum tetapi juga hakikat secara fizikalnya saya tidak berada di tanah air.

Di sini, saya perlu memastikan bahawa tulisan saya bukan sahaja relevan dengan konteks Malaysia, tetapi juga menyentuh jiwa pembaca dengan perspektif segar dari luar negara. Oleh kerana saya tinggal di luar negara, saya membawa naratif silang budaya, refleksi sebagai pelajar Malaysia di UK, serta pandangan kritis terhadap isu-isu semasa dari sudut pandang perantau. Saya menulis tentang pendidikan, peranan wanita Muslim, perbezaan budaya, isu media, dan hal ehwal semasa yang saya nilai penting untuk dibincangkan secara terbuka dan membina.

Menulis secara tetap dan belajar sepenuh masa pastinya mempunyai cabaran dan keindahannya yang tersendiri. Cabaran utama ialah memastikan disiplin diri untuk menulis secara konsisten setiap minggu. Dalam suasana akademik yang ketat, saya perlu membahagikan masa antara meneliti literatur, menghadiri seminar, dan menulis

kolum. Ia bukan kerja mudah tetapi tidak mustahil kerana amanah dan minat yang bergabung menjadikan urusan dipermudahkan Allah. Salji tebal yang menutupi bumi Nottingham tidak pernah menjadi alasan untuk tidak menepati tarikh akhir penghantaran rencana tepat masa.

Menulis dari luar negara memberikan saya kelebihan dalam membandingkan realiti kehidupan di dua benua. Saya perhatikan bagaimana warga Britain memandang ilmu, demokrasi, dan perbezaan budaya dengan cara yang sangat berbeza daripada masyarakat kita. Dalam kolum saya, saya cuba mengangkat isu-isu ini secara jujur tetapi berhemah. Saya tidak menulis untuk mengkritik membuta tuli, tetapi untuk membina kefahaman dan kesedaran bahawa kita boleh belajar sesuatu daripada dunia luar tanpa kehilangan jati diri.

Saya juga cuba menyelitkan kisah-kisah kecil yang menyentuh emosi pembaca. Misalnya, pengalaman beratur untuk menaiki pengangkutan awam di UK perlu dilihat dengan mata hati. Di sini, semua orang faham keperluan beratur sungguhpun hanya seorang atau dua orang yang menunggu bas. Ibu-ibu yang membawa kereta sorong bayi dan orang kurang upaya yang menaiki kerusi roda serta warga emas sering diberi kelebihan menaiki kenderaan lebih awal. Satu amalan yang amat mudah tetapi amat sukar dilakukan andai bukan satu kebiasaan. Ini adalah contoh kisah sederhana yang hakikatnya menyentuh sisi kemanusiaan yang kadang kala dilupakan dalam laporan berita biasa.

Dalam laporan berita yang sering kita baca, pemilihan berita lebih bergantung kepada nilai-nilai berita dalam sesebuah peristiwa seperti unsur negatif, impak dan keberadaan selebriti atau orang berpengaruh. Peristiwa positif dan "kecil" sifatnya jarang mendapat tempat. Di sinilah, kolumnis dapat memainkan peranan dengan mengangkat isu-isu penting yang kadang kala terpinggir daripada laporan media.

Selain itu, kekuatan menjadi seorang kolumnis ialah keupayaan untuk membina hubungan dengan khalayak. Setiap minggu, saya menerima e-mel dan mesej daripada pembaca—ada yang memuji, ada yang memberi cadangan, dan tidak kurang juga yang menegur dengan penuh hikmah. Saya hargai semua itu sebagai cerminan kepada penerimaan masyarakat terhadap idea-idea yang saya lontarkan. Saya belajar bahawa tulisan bukan sekadar baris ayat di atas kertas, ia adalah jambatan antara hati dan fikiran, antara penulis dan pembaca, antara pengalaman peribadi dan isu sejagat.

MENGARKIB PENGALAMAN DALAM BENTUK BUKU

Kembali ke Malaysia pada penghujung 2011, hanya lebih sepuluh tahun selepas itu iaitu pada tahun 2018, 30 karya daripada kolom-kolum yang pernah terbit dihimpunkan dalam sebuah buku bertajuk *Himpunan Rencana Siti Suriani Othman Menulis dari Nottingham: Silang Budaya Malaysia–UK*. Kandungan buku ini tertumpu kepada 30 isu terpilih yang telah dibincangkan dalam kolom, dan diangkat semula dalam buku ini dengan kemas kini fakta tentang isu dalam tempoh 10 tahun yang telah berlalu. Misalnya, jenayah pisau yang agak berleluasa ketika salah satu kolom ditulis pada 2008, dikemaskini faktanya dengan senario semasa pada 2017 yang kemudiannya buku ini terbit setahun kemudian.

Di samping itu, yang lebih memaknai, saya melihat, buku ini bukan hanya sebuah buku perkongsian hasil daripada kolom yang pernah ditulis, tetapi menjadi simbol kepada fasa hidup yang penuh perjuangan dan keberkatan. Ia menjadi saksi kepada usaha menyatukan jihad antara penulisan akademik dengan penulisan popular, antara dunia perantauan dengan tanah air, serta antara suara peribadi dengan aspirasi masyarakat. Buku ini menjadi saksi bahawa sesuatu usaha yang baik meskipun tidak mudah dilaksanakan tidak akan pernah sia-sia, malah menjanjikan ruang dan peluang luar biasa pada akhirnya.



Buku Himpunan Rencana yang menghimpunkan semula kolom-kolum yang pernah terbit dalam Berita Harian dalam bentuk buku. Buku ini adalah terbitan Penerbit USIM pada 2018.

Luar biasa kerana pengalaman ini banyak membentuk diri saya sebagai seorang penulis dan pensyarah yang bukan sekadar mengajar dalam kelas dan menanda kertas peperiksaan yang di akhir bulan menerima gaji. Keseluruhan proses ini mendidik saya tentang pentingnya mendengar suara akar umbi, memahami denyut nadi rakyat, dan menyampaikan gagasan dengan bahasa yang boleh difahami semua.

Mungkin ramai yang berpeluang mendengar suara dan nadi rakyat namun untuk berkongsi isu dengan berkesan tidaklah mudah yang tidak semua orang mampu. Dengan peluang ini juga mengajar saya tentang pentingnya menjaga etika penulisan, menghormati sensitiviti pembaca, dan menyemai semangat keinsanan dalam setiap baris tulisan.

Penulisan kolum semasa di UK adalah bukti bahawa seorang pelajar juga boleh berperanan sebagai penyumbang kepada wacana awam, walaupun berada jauh dari tanah air dan menggalas amanah sebagai pelajar sepenuh masa. Dengan kesungguhan, keikhlasan dan kepekaan terhadap masyarakat, pengalaman peribadi boleh diangkat menjadi wacana bersama yang mencerdaskan.

Hari ini, apabila saya mengimbas kembali pengalaman menjadi kolumnis semasa menyelesaikan pengajian peringkat doktor falsafah, saya sedar betapa besarnya pengaruh pengalaman ini terhadap kerjaya saya sebagai pendidik dan penulis. Ia bukan sekadar pengalaman sampingan, tetapi medan latihan sebenar dalam mengasah pemikiran kritis, membina empati, dan menyampaikan naratif dengan keberanian serta ketulusan. Sifat-sifat yang membentuk peribadi ini berlangsung terus yang mempengaruhi pula keseluruhan konteks pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di universiti saya mengajar iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Dalam kursus Penulisan Rencana yang saya ajar misalnya, salah satu komponen tugas ialah berjaya menerbitkan rencana dalam media tempatan. Hal ini pastinya tidak mudah terutama bagi pelajar-pelajar bukan dengan latar belakang komunikasi yang turut mengambil kursus ini seperti pelajar bidang dakwah, pelajar bidang bahasa dan pelajar bidang pelancongan. Namun, sesuatu yang sukar tidak akan kita ketahui manisnya andai tidak dicuba.

Maka dengan kesungguhan pelajar yang terbimbing, banyak rencana pelajar yang telah muncul di dada-dada akhbar cetak dan platform dalam talian iaitu melebihi 1200 rencana sejak 2012. Antara media yang menerbitkan tulisan pelajar termasuklah Utusan Malaysia, Berita Harian, Harakah, portal-portal berita, serta akhbar di China dan Afrika bagi pelajar antarabangsa. Pengalaman pelajar menulis dan berjaya terbit pastinya mengujakan bukan hanya pelajar tetapi diri saya sendiri sebagai tenaga pengajar. Kita faham itu bukan proses yang mudah bagi sesetengah pelajar namun satu bentuk latihan yang sangat baik dalam membentuk aliran minda dan kata yang teratur dalam mengekspresi pandangan yang berkesan dan berimpak kepada masyarakat.

Sudah terbiasa bermain dengan aksara tidak kira dalam bentuk penulisan akademik mahupun penulisan popular dan karya sastera, saya menubuhkan USIM Writers' Pool (UWP) di USIM pada 2017. Matlamat utama UWP ialah mendemokrasikan pengetahuan menerusi penulisan pelbagai genre. Sastera Melayu misalnya, bidang yang tidak ditawarkan dalam tawaran akademik USIM misalnya, namun pasti mempunyai peminatnya tersendiri. Maka, UWP menyediakan ruang ini bagi semua yang minat untuk berkarya yang disertai dengan latihan-latihan seperti seminar dan bengkel.

Selain itu, penulisan popular dalam media turut menjadi satu cabang penulisan yang dilihat penting oleh UWP bukan kerana saya berada dalam bidang kewartawanan dan keperluannya dari persektif sendiri yang terhad, namun, perkongsian kepakaran atau pandangan akademik menerusi media adalah satu proses penting dalam memastikan isu-isu kompleks dapat difahami masyarakat dengan bimbingan pakar dalam bidang. Di sinilah perkongsian kepakaran akademik memberi impak kepada masyarakat dan menjadi satu bentuk jasa dan budi untuk "kembali memberi kepada masyarakat" dalam bentuk jariah yang berpanjangan. Itu belum lagi mengambil kira peranan akademik dalam demokrasi yang pastinya lebih terbimbing menerusi perkongsian kepakaran dan pengalaman yang tidak wajar disimpan sepi.

PENUTUP

Dalam konteks ini, tidak keterlaluan jika dikatakan akademik yang menulis untuk masyarakatnya dan tidak hanya menulis untuk keperluan dan kewajipan bidang akademik (seperti penulisan artikel jurnal) membezakan makna dan kualiti seseorang pendidik itu sendiri. Dengan mengizinkan pandangannya dicapai ramai, seseorang pendidik yang menulis dalam media turut membuka dirinya kepada kritikan dan "serangan". Ini memerlukan keberanian, persiapan yang rapi dalam setiap perkataan dan ayat yang dinukilkan dalam penulisan serta persiapan mental bagi sebarang risiko selepas sesebuah rencana diterbitkan. Ini tidak mudah, namun, ini jugalah yang membentuk kekuatan intelektual dalam masyarakat kerana disaji dengan perbincangan, perkongsian dan analisis daripada akademik yang mempunyai kepakaran tersendiri yang dikongsi dengan masyarakat massa. Di sinilah saya melihat antara sumbangan penting bagi seorang akademik yang turut berperanan sebagai kolumnis untuk masyarakatnya.

Dalam masa yang sama, keberanian ini sebenarnya tidak pernah lari daripada ciri asas peribadi seorang pendidik. Menulis artikel jurnal juga memerlukan keberanian kerana

hujah akademik kita tidak mungkin diterima semua golongan akademia yang lain. Bezanya mungkin maklum balas atau kritikan yang diperoleh dalam penulisan akademik lebih lambat (kerana penerbitan edisi sesebuah jurnal mengambil masa yang panjang iaitu beberapa bulan malah ada yang melepasi tempoh setahun) dan dihujah dengan bahasa akademik yang empirikal dengan tona sederhana. Namun asasnya, keberanian dan persiapan rapi dalam proses penulisan masih menjadi unsur kritikal terhadap penghasilan penulisan akademik yang baik sebagaimana penghasilan rencana untuk media.

Maka dengan keperibadian yang terbentuk ini, wajar dikatakan bahawa pendidik sejati harus berani menyuarakan pandangan tidak hanya pandangan empirikalnya dalam bentuk penulisan akademik (menerusi terbitan seperti jurnal misalnya), namun juga harus berani berkongsi pandangan dalam platform-platform lain seperti media cetak, media elektronik dan media dalam talian supaya mesej sampai kepada masyarakat umum yang tidak mempunyai akses kepada sesetengah bentuk penerbitan. Di tambah lagi, para pelajar universiti juga diajar untuk berani mengemukakan pandangan, berhujah setuju atau tidak setuju dengan sesuatu isu yang berlandaskan fakta akademik yang disusun dengan aksara yang matang dan meyakinkan.

Harapan saya, dengan kesedaran dan sinergi tenaga yang ada, kita dapat melihat akan lahir generasi muda yang berani dan kritis terhadap perkembangan semasa dan cakna untuk berkongsi pandangan mereka dalam isu yang memerlukan pandangan golongan muda. Generasi ini yang kita harapkan sebagai pemimpin masa hadapan sudah mula mengabadikan wujud mereka sebagai insan yang memaknai sesuatu tujuan. Sebagai seorang manusia yang ingin dikenang selepas luruhnya wujud jasmani, apa yang tinggal abadi hanya mesej-mesej baik yang pernah dinukilkan dalam aksara yang mengesankan. Peninggalan abadi hanya tulisan, yang dikenang bukan hanya kerana mesejnya tapi melambangkan perjuangan seseorang insan dalam mengabdikan dirinya kepada agama, bidang ilmu, pekerjaan dan amanah yang ditugaskan demi mengorak masa depan dan harapan anak bangsanya.